

12 Julai, 1981

## 2,100 hari Datuk Hussein jadi PM

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Dua ribu seratus hari lamanya Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Ketiga bila beliau bersara 16 Julai ini.

Kira-kira jam 10 pagi Selasa ini, rakyat Malaysia akan mengucapkan 'selamat berpisah' kepada beliau dan mengaluakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan tersebut.

Datuk Hussein akan menyerahkan surat persaraan rasminya kepada Yang di-Pertuan Agung jam 11 pagi Selasa untuk membolehkan Perdana Menteri baru mengangkat sumpah di Istana Negara.

Pada 15 Januari 1976, Datuk Hussein mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ketiga kira-kira jam 9.30 pagi, menggantikan Alahyarham Tun Abdul Razak yang meninggal dunia malam sebelumnya di London akibat penyakit leukimia.

Datuk Hussein mengumumkan untuk bersara dari Kerajaan dan politik pada 15 Mei lalu di Johor Bahru atas sebab-sebab kesihatan.

Pada bulan Januari tahun ini, Datuk Hussein menjalani pembedahan saluran jantungnya di London yang mencetuskan spekulasi yang beliau akan melepaskan jawatannya.

Walaupun tiada kenyataan dibuat sehingga 15 Mei, rakyat Malaysia sudah mula mengagak, kerana mereka sedia tahu Datuk Hussein tidak akan mengubah pendirian atau keputusan yang dibuatnya.

Pada 25 Jun, Datuk Hussein meletakkan batu asas Kompleks Bangunan Ibupejabat UMNO di Jalan Tun Dr. Ismail.

Pada 26 Jun pula, beliau merasmikan Perhimpunan Agung UMNO Ke-32 yang akhir baginya sebagai Presiden UMNO.

Tugas rasmi yang akhir bagi Datuk Hussein ialah berucap di majlis penutup Musabaqah Membaca Al-Quraan Angkatan Tentera, malam 10 Julai lalu.

Dan 15 Julai ini beliau akan mempengerusikan mesyuarat kabinet dan Barisan Nasional yang terakhir baginya sebelum bersara.